

KTPK 18/4/2.01 Jld. 4 (29)



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

21 November, 1992.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.5 TAHUN 1992**  
**Nombor Pelan Akui, Kod-Kod Negeri, Daerah/Jajahan Dan Mukim/Seksyen**

1. **Tujuan**

Pekeliling ini adalah bertujuan memansuhkan penggunaan kod-kod negeri, daerah atau jajahan dan mukim atau seksyen di atas pelan akui.

2. **Latarbelakang**

2.1 Pekeliling KPUP Bil.3/82 memperuntukkan penggunaan kod negeri yang mengandungi 2 angka sebagai "prefix" kepada nombor bilangan pelan akui yang mengandungi 6 angka dalam menomborkan pelan akui.

2.2 Selain daripada itu Pekeliling KPUP Bil. 2/82 memperuntukkan supaya kod-kod negeri, daerah dan mukim atau seksyen di tunjukkan pada tajuk pelan akui. Tujuan memperkenalkan kod-kod tersebut adalah bagi keperluan bank data kadaster yang dirancang ketika itu. Walaubagaimanapun ciri-ciri kod ini tidak lagi sesuai untuk digunakan dalam pengkalan data tanah (land data hub) negara yang masih lagi dalam peringkat kajian untuk dilaksanakan.

3. **Nombor Pelan Akui**

3.1 Dengan ini adalah ditetapkan nombor pelan akui, termasuk pelan akui strata hendaklah ditunjukkan dalam bentuk angka sebenar tanpa kod negeri sebagai "prefix" dan angka sifar di awalnya.

Contoh : PA 24681;  
bukan PA 06-024681.

3.2 Siri nombor pelan akui yang sedang dipakai hendaklah diteruskan.

4. **Tajuk Pelan Akui**

Tajuk pelan di atas pelan akui hendaklah dibuat tanpa kod-kod negeri, daerah atau jajahan dan mukim atau seksyen.

5. **Daftar Lot**

Buku daftar lot yang digunakan sekarang hendaklah diteruskan penggunaannya tanpa merujuk kepada kod-kod berkenaan.

6. **Penguatkuasaan**

Arahan ini hendaklah dikuatkuasakan dengan serta merta, walaubagaimanapun mana-mana pelan akui yang telah disediakan mengikut amalan terdahulu bolehlah diterima sehingga 31 Disember, 1992.

7. **Pemansuhan**

Pekeliling-pekeliing KPUP Bil.2/82 dan 3/82 adalah dengan ini dimansuhkan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Edaran kepada:**

Semua Pengarah Ukur Negeri,

**Salinan kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Kadaster

Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster(Unit Khas)

Setiausaha

Lembaga Juruukur Tanah,  
Semenanjung Malaysia